

## KHUTBAH JUMAAT

### “KEWAJIPAN Mencari Makanan Yang Halal” (12 Ogos 2022M/ 14 Muharram 1444H)

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

#### **Muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan bersungguh-sungguh melaksanakan perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita dikurniakan kejayaan yang hakiki di dunia dan di akhirat. Pada hari ini, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk “**Kewajipan Mencari Makanan Yang Halal**”.

#### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Sebagai mukmin, kita meyakini bahawa sesuatu yang diharamkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* pasti membawa kebaikan dan sesuatu yang diharamkan sudah pasti membawa keburukan. Hikmah Allah menetapkan batasan tersebut sesuai dengan maqasid syariah demi memelihara kemaslahatan dan mengelak kemudaratan kepada insan.

Sebagaimana yang dinyatakan di dalam al-Quran, bahawa segala yang Allah *subhanahu wata'ala* halalkan merupakan perkara yang baik, dan Allah *subhanahu wata'ala* melarang daripada segala jenis keburukan. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-An'am, ayat 145 yang berbunyi:

قُلْ لَا أَجِدُ فِي مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ مَيْتَةً أَوْ  
دَمًا مَسْفُوحًا أَوْ لَحْمَ خِنزِيرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ أَوْ فِسْقًا أُهِلَّ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ فَمَنْ  
أَضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَإِنَّ رَبَّكَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٤٥﴾

**Maksudnya:** *Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku tidak dapati dalam apa yang telah diwahyukan kepadaku, sesuatu yang diharamkan bagi orang yang hendak memakannya melainkan kalau benda itu bangkai, atau darah yang mengalir, atau daging babi - kerana sesungguhnya ia adalah kotor - atau sesuatu yang dilakukan secara fasik, iaitu binatang yang disembelih atas nama yang lain dari Allah". Kemudian sesiapa yang terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginya dan tidak melampaui batas, maka sesungguhnya Tuhanmu Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.*

Imam Ibnu Katsir *rahimahullah* dalam kitabnya *Tafsir al-Quran al-'Azim* ketika mentafsirkan ayat tadi menukilkan daripada Ibnu Abbas *radiallahu anhuma* katanya:

"كَانَ أَهْلُ الْجَاهِلِيَّةِ يَأْكُلُونَ أَشْيَاءَ وَيَتْرُكُونَ أَشْيَاءَ تَقَدَّرًا، فَبَعَثَ اللَّهُ نَبِيَّهُ وَأَنْزَلَ كِتَابَهُ، وَأَحَلَّ حَلَالَهُ وَحَرَّمَ حَرَامَهُ، فَمَا أَحَلَّ فَهُوَ حَلَالٌ، وَمَا حَرَّمَ فَهُوَ حَرَامٌ، وَمَا سَكَتَ عَنْهُ فَهُوَ عَفْوٌ، وَتَلَا هَذِهِ الْآيَةَ ... "

**Maksudnya:** Pada zaman dahulu (sebelum kedatangan Islam) orang Arab Jahiliyyah akan makan sesuatu makanan atau meninggalkannya berdasarkan kepada jijik atau tidaknya sesuatu makanan itu pada pandangan mereka. Kemudian, Allah subhanahu wata'ala pun mengutuskan Nabinya (yaitu Nabi Muhammad sallallahu alaihi wasallam) dan menurunkan kitabnya (al-Quran kepada baginda), dan Allah menghalalkan apa yang halal dan mengharamkan apa yang haram (melaluinya). Maka apa yang dihalalkan (oleh Allah), itulah yang halal, dan apa yang diharamkan (oleh Allah) maka itulah yang haram, dan apa yang tidak dinyatakan hukumnya (sama ada halal atau haram), maka ia dimaafkan (diharuskan). Kemudian, beliau membaca ayat tadi.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Panduan daripada al-Quran berkaitan pemakanan halal itu jelas bagi setiap individu mukmin. Kita memahami bahawa pemilihan makanan merupakan tanggungjawab yang perlu diperhatikan setiap individu. Sepertimana solat, zakat dan puasa yang merupakan satu tanggungjawab, begitu jugalah dalam pemilihan makanan yang halal.

Oleh itu, kita hendaklah mendidik dan mengajar ahli keluarga kita supaya mengutamakan yang halal walau di mana sahaja kita berada. Kenalilah Logo Halal yang diiktiraf bagi memastikan produk yang dipilih adalah diyakini sebenar-benarnya halal. Jadikanlah amalan ini sebagai budaya dalam hidup kita. Bermula dari keluarga, akhirnya menjadi budaya dalam masyarakat kita. Hanya dengan usaha yang bersungguh-sungguh ini sahaja kita akan memahami dan menghayati, hikmah Allah *subhanahu wata'ala* memerintahkan kita supaya mendapatkan makanan dan sumber yang halal lagi baik.

Alhamdulillah, sebagai masyarakat Islam di Sarawak, kita bersyukur dengan kemudahan merujuk kepada pensijilan halal yang tersedia ada. Pensijilan halal telah melalui proses pemeriksaan yang menyeluruh dan teliti, untuk memastikan bahan-bahan yang digunakan menepati syariat Islam. Sebabnya, selagi sesuatu makanan itu tidak mengandungi bahan-bahan yang haram, ataupun yang syubhah (yang meragukan), ia dianggap sebagai halal dan begitulah pula sebaliknya. Hal ini selari dengan pesanan Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* yang diriwayatkan oleh Imam ad-Daruqutni *rahimahullah* yang bermaksud:

*((Sesungguhnya Allah subhanahu wata'ala mewajibkan beberapa kewajipan maka janganlah engkau mengabaikannya. Dan Dia telah menetapkan beberapa batasan, janganlah kamu melampauinya. Dia telah mengharamkan beberapa perkara, maka jangan kamu melanggarnya. Dan Dia senyap terhadap [hukum] sebahagian*

*perkara bukan kerana lupa, maka janganlah kamu mencari-cari tentangnya)).*

Melalui hadis tadi, kita diingatkan bahawa segala perkara yang halal dan haram telah dijelaskan di dalam al-Quran dan juga hadis. Adapun perkara yang Allah *subhanahu wata'ala* diamkan dikira sebagai kelonggaran yang merupakan rahmat daripadanya. Berdasarkan kepada itu, para fuqaha telah menetapkan satu kaedah fiqh iaitu:

الأصل في الأشياء الإباحة

**Maksudnya:** *Hukum asal bagi sesuatu perkara adalah harus.*

Ini bermakna segala perkara, tidak kira makanan ataupun minuman, pada asalnya dikira sebagai halal kecuali terdapat bukti ataupun dalil akan keharamannya.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Di sinilah pentingnya kita menimba ilmu dan memahami prinsip-prinsip Syariah dalam hukum-hakam Islam. Kefahaman yang menyeluruh tentang agama kita akan menjadikan kita seorang muslim yang yakin dalam membuat penilaian yang tepat di mana sahaja kita berada.

Ia juga membantu seorang mukmin untuk berlaku lebih adil, dalam membuat pertimbangan, antara kepentingan memelihara aspek halal pada pemakanannya, pada waktu yang sama, amat berhati-

hati untuk tidak dengan begitu mudah menyebarkan syak wasangka. Ataupun menyebarkan berita palsu.

Marilah sama-sama kita berusaha menjadi seorang Muslim yang yakin serta tidak berhenti untuk terus berusaha mendalami ilmu agama kita. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* memberkati usaha kita dan mempermudah segala urusan kita dalam mencari rezeki yang halal dan menghindari yang haram.

Berkaitan hal ini, Imam al-Tabarani *rahimahullah* meriwayatkan sebuah hadis dalam kitabnya '*al-Mu'jam al-Awsat*' daripada Ibnu Abbas *radhiallahu anhuma*, Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* telah bersabda:

(( وَأَيُّمَا عَبْدٍ نَبَتَ لَحْمُهُ مِنَ السُّحْتِ وَالرِّبَا، فَالنَّارُ أَوْلَىٰ بِهِ ))

**Maksudnya:** *Mana-mana hamba (manusia), dagingnya itu tumbuh hasil dari perkara yang haram dan amalan riba, api nerakalah yang patut (untuk membakar dan menghilangkan) daging tersebut.*

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita hayati bersama firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Baqarah, ayat 168:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
يَأْتِيهَا النَّاسُ كُلُّوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَلًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ  
إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

**Maksudnya:** *Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا  
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,**

Perlu diingatkan bahawa kita masih lagi berhadapan dengan wabak COVID-19. Walaupun pelbagai kelonggaran telah diberikan, mimbar terus menyeru agar kita terus berwaspada dan melakukan kawalan sendiri dengan sebaik-baiknya bagi mengelakkan terdedah kepada bahaya wabak penyakit kerana mencegah itu lebih baik daripada mengubati. Pada masa yang sama, teruskanlah memohon keampunan serta bermunajat kepada Allah *subhanahu wata'ala* agar diangkat segala wabak dan musibah daripada kita dan dikurniakan keselamatan dan kesejahteraan buat diri, keluarga, masyarakat, negeri dan negara.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا



اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ  
 عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
 مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ  
 وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.  
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ  
 مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ  
 الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah ! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang

berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan Allah *subhanahu wata'ala*.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Kabulkanlah doa kami. Terimalah segala amal ibadah dan ketaatan kami kepada-Mu. Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Jadikanlah diri kami, isteri-isteri kami dan keturunan kami dari kalangan yang mendirikan solat serta menjauhi dosa-dosa kecil apatah lagi dosa-dosa yang besar. Limpahkanlah ke atas kami nikmat kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19.

اللَّهُمَّ اشْفِنَا وَاشْفِ مَرَضَانَا وَمَرْضَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ طَهُورًا  
لَهُمْ، وَارْفَعْ مَنْزِلَتَهُمْ، وَأَبْدِلْهُمْ مِنْ بَعْدِ الْمَرَضِ صِحَّةً، وَمِنْ بَعْدِ  
الْبَلَاءِ عَافِيَةً.

اللَّهُمَّ ارْحَمْ مَوْتَانَا وَمَوْتَى الْمُسْلِمِينَ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ وَارْحَمْهُمْ،  
وَعَافِهِمْ وَاعْفُ عَنْهُمْ. رَبَّنَا أَتْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً  
وَقْنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.